

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SKW106 - Pengantar Pengajian Pembangunan

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A

Jawab semua soalan.

1. Beri definisi atau terangkan dengan ringkas:

- i. Feudalisme
- ii. Imperialisme baru
- iii. Teori Malthus
- iv. Kadar kesuburan
- v. Penjagaan kesihatan asas (primary health care)
- vi. Garis kemiskinan
- vii. Pengangguran
- viii. Keupayaan teknologi
- ix. Pembahagian Baru Buruh Antarabangsa
- x. Zon Pemprosesan Ekspot (EPZ)
- xi. Pengeluaran fleksibel
- xii. Suruhanjaya Brandt
- xiii. Suruhanjaya Brundtland
- xiv. Kebuluran
- xv. Deklarasi Cocoyoc 1974
- xvi. Kumpulan 77
- xvii. OPEC
- xviii. Pakatan Warsaw
- xix. Dunia bi-polar
- xx. Dasar "glasnost"

(100 markah)

...2/-

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Bagaimanakah petunjuk sosial menggambarkan ketidaksamaan dikalangan negara, benua dan kawasan di dunia ini? Mungkinkah setengah petunjuk-petunjuk sosial itu bias atau condong terhadap nilai-nilai yang tertentu? Bincangkan.  
(100 markah)
  
3. Apakah yang berlaku di Eropah semasa zaman yang dikenali sebagai feudalisme? Terangkan bagaimana Eropah dapat mengumpul kekayaan atau modal dengan pesat sehingga dapat mendahului tamadun-tamadun bukan barat yang sebelum ini lebih mewah dan berkuasa dari Eropah?  
(100 markah)
  
4. Sekiranya sesuatu negara itu ingin menuju tahap perindustrian, apakah proses-proses dalam peningkatan keupayaan teknologi yang harus dilalui?  
(100 markah)
  
5. Bezakan dua pendekatan mengenai kedudukan wanita dalam proses perindustrian, iaitu, (1) wanita dipinggirkan akibat perindustrian dan (2) wanita dieksploitasikan untuk mendirikan perindustrian. Apakah perspektif-perspektif baru mengenai wanita, dalam konteks pembangunan masakini?  
(100 markah)

- oo o0o oo -